

Kata Kampus

 Oleh **PROF. MADYA DR.
MOHAMED ALI HANIFFA**

"A PABILA kita hendak melihat wajah negara pada masa hadapan, lihatlah generasi mudanya pada hari ini. Sekiranya golongan muda pada hari ini adalah dalam kalangan yang berakhlak dan berhemah tinggi, tentunya negara kita akan datang menjadi sebuah negara yang aman makmur. Jika keadaan adalah sebaliknya, maka bersedialah untuk berhadapan dengan kemungkinan buruk yang akan berlaku."

Ungkapan tersebut menerangkan kepentingan generasi muda dalam agenda transformasi negara. Patriotisme adalah perjuangan yang menjilwai kepentingan bangsa dan negara. Usaha memupuk dan mengembangkan semangat patriotik yang tinggi, mendaulatkan kedudukan negara serta menjulang kejayaan bangsa seharusnya dimulakan di peringkat mahasiswa lagi.

Pelbagai kursus teras universiti seperti Kenegaraan Malaysia diperkenalkan di peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) semata-mata untuk memperkukuhkan semangat patriotisme.

Semangat patriotisme perlu disemai, dipupuk dan diajar. Justeru, pendidikan adalah mekanisme yang berkesan dalam mengukuhkan semangat patriotisme generasi muda.

Sekiranya para mahasiswa menghayati sepenuhnya sumpah mereka akan menyedari akan kepentingan konsep persefahaman dan penyatuan yang mesti ada dalam jiwa masyarakat Malaysia. Sistem pendidikan tinggi berdepan pelbagai cabaran baharu dalam era globalisasi.

Namun, sistem tersebut beroperasi signifikan dan bertanggungjawab dalam melatih para pemimpin masa hadapan selari dengan gagasan transformasi yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi 2026-2035.

IPT perlu komited dan bertanggungjawab bagi melengkapkan mahasiswa dengan kemahiran yang diperlukan. Tujuannya ialah memberikan pengetahuan dan keyakinan agar mereka bersiap siaga menghadapi masyarakat dan dunia yang semakin kompleks.

Agenda tersebut dapat dilaksanakan dengan memberikan tumpuan terhadap pembangunan kemahiran pelajar. Ini termasuklah kepimpinan ke arah pembentukan jati diri pelajar yang autentik dan holistik.

Gaya kepimpinan ialah bidang tumpuan yang boleh membentuk pembangunan pelajar dan mempengaruhi prestasi sesebuah IPT. Pengalaman ketika berada di IPT merupakan faktor yang mampu membina personaliti pelajar.

Ibrahim Haji Yaacob pernah menjelajah seluruh Semenanjung Tanah Melayu pada tahun 1940 bagi meneliti kehidupan dan nasib masyarakat Melayu pada ketika itu. Kecintaan beliau terhadap tanah air disertai dengan usaha mengenali realiti rakyat dan memahami cabaran yang dihadapi oleh masyarakat.

Semangat yang sama perlu diterapkan

Patriotisme mahasiswa: Dari kampus ke komuniti



USAHA memupuk dan mengembangkan semangat patriotik yang tinggi, mendaulatkan kedudukan negara serta menjulang kejayaan bangsa perlu bermula di peringkat mahasiswa. — GAMBAR HIASAN

dalam diri mahasiswa pada hari ini. Ilmu yang diperoleh di kampus sewajarnya diterjemahkan melalui penglibatan bersama komuniti.

Tujuannya ialah untuk membina mahasiswa yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, malah peka terhadap keperluan masyarakat.

Kebanyakan mahasiswa akan berada bersama keluarga dan komuniti ketika sambutan Bulan Kebangsaan negara. Gunakan ilmu dan pengetahuan yang mahasiswa peroleh di alam kampus bagi membantu komuniti.

Amalan pendidikan berimpak tinggi ialah pembelajaran yang boleh diperoleh melalui komuniti. Ini akan berhasil apabila mahasiswa berupaya mengintegrasikan pengetahuan teori dalam bilik kuliah dengan praktikal dalam persekitaran luar. Hal ini dapat membantu mereka memahami pembelajaran secara realiti dan realistik.

Di peringkat komuniti pula, anda boleh menyumbangkan tenaga dan kepakaran dalam pengajaran sambutan Bulan Kebangsaan negara. Usaha hanya memfokuskan kepada kuantiti aktiviti, sebaliknya berikan tumpuan terhadap program berimpak tinggi yang memberikan manfaat kepada semua.

Program Kampung Angkat Merdeka boleh dilaksanakan dengan menjadikan satu kawasan perumahan atau kampung sebagai

komuniti angkat selama Bulan Kebangsaan.

Antara aktiviti yang boleh dirancang meliputi gotong-royong perdana, kelas literasi digital dan ceramah patriotisme serta perpaduan. Fokuskan kepada peningkatan kesejahteraan komuniti melalui pendekatan holistik.

Di samping itu, kempen mengedarkan Jalur Gemilang sambil menyebarkan mesej perpaduan turut boleh diadakan. Kukuhkan semangat patriotisme dan perpaduan melalui aktiviti seperti ikrar Rukun Negara, rakaman video Hari Kebangsaan, pameran sejarah negara, dan kuiz kenegaraan.

Anda juga boleh menyumbangkan khidmat sebagai alumni sekolah agar mesej daripada IPT disampaikan kepada khalayak pelajar. Usaha tersebut secara tidak langsung akan meningkatkan pengetahuan dan penghayatan sejarah dalam kalangan pelajar. Program sebegini boleh melibatkan kerjasama mahasiswa, pihak berkuasa tempatan, sekolah, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), klinik dan pemimpin komuniti.

Kejayaan program boleh dinilai melalui manfaat yang diterima komuniti, penyertaan sukarelawan serta perubahan positif yang berlaku. Pendekatan ini juga selari dengan matlamat memperkukuh perpaduan, semangat patriotisme dan pembangunan komuniti secara serentak.

Walaupun anda berada jauh di kampung halaman, namun masih boleh berhubung dengan pensyarah, kelab dan persatuan serta mahasiswa bagi melaksanakan aktiviti secara dalam talian.

Gunakan peluang dalam menganjurkan pengisahan sejarah, ceramah patriotisme, menulis esei, puisi atau dokumentari ketika bercuti. Manfaatkan setiap ruang yang ada untuk membina semangat sayangkan negara dan elakkan program yang bercorak stereotaip.

Penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kemasyarakatan bukan sahaja membina semangat patriotisme, malah membentuk keyakinan diri, kepimpinan dan kemahiran komunikasi.

Pemikiran dan tindakan yang positif dapat dibina kerana mereka memiliki intuisi yang jelas, mempamerkan kematangan dalam tindakan dan daya tahan yang ampuh terhadap kehendak diri serta orang lain. Mahasiswa yang cemerlang akademik sahaja tidak memadai. Pihak industri dan majikan mula meletakkan syarat baharu iaitu kemahiran insaniah yang perlu dikuasai oleh mahasiswa.

PENULIS ialah Pensyarah Program Sarjana Muda Sejarah Gunaan, Pusat Kepujian, Jabatan Tamadun dan Falsafah, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, **Universiti Utara Malaysia**